

# UMS sasar diiktiraf pusat kecemerlangan

» *Penarafan lonjak HICoE sebagai bidang peneraju bidang fokus*

BH 24.07.2012 4

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
amiridzuan@bharian.com.my

► Kota Kinabalu

**U**niversiti Malaysia Sabah (UMS) berada di landasan betul ke arah mendapat pengiktirafan pusat kecemerlangan pengajian tinggi (HICoE) bagi Institut Penyelidikan Marin Borneo.

Serentak itu, ia bakal melakar satu lagi sejarah buat negeri ini di bidang pendidikan menerusi penarafan institut terbabit sebagai HICoE ketujuh di negara ini.

## Sudah diiktiraf

Enam HICoE yang sudah diiktiraf Kementerian Pengaji-

an Tinggi ialah 'Centre of Research Power Electronics, Drives, Automation & Control (UMPEDAC), Universiti Malaya, dan Institut Perubatan Molekul (Informm) Kampus Kesihatan Kubang Kerian Universiti Sains Malaysia (USM).

Selain itu Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Molecular Biology Institute (UMBI); Pusat Penyelidikan Darah dan Ubat-Ubatan (CDR), USM; Institut Biosains (IBS), Universiti Putra Malaysia dan Institut Penyelidikan Perakuanan (ARI), Universiti Teknologi MARA.

**INFO**

**HICoE**

- **Penarafan HICoE** dikategorikan mengikut tiga teras utama iaitu Teras Penyelidikan dan Inovasi, Teras Pengajaran dan Pembelajaran dan Teras Perkhidmatan
- **142 pusat** kecemerlangan di 20 IPTA

Penarafan dilakukan sebagai langkah strategik melonjakkan HICoE selaku peneraju dalam bidang fokus masing-masing ke peringkat antarabangsa, selaras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk mempunyai 20 HICoE menjelang 2020.

Naib Canselor UMS, Prof Mohd Harun Abdullah, berkata pihaknya mensasarkan

untuk mendapat pengiktirafan tertinggi bagi institut pengajian tinggi awam (IPTA) tahun ini.

"Kita yakin dapat mencapainya berdasarkan bilangan penyelidikan dilaksanakan dan jumlah geran diterima daripada kerajaan bagi melaksanakan pembangunan gunaan penyelidikan.

"UMS menerima peruntukan kerajaan berjumlah RM45 juta bagi penyelidikan rumput laut di Semporna yang berjaya menunjukkan hasil.

"Sabah mempunyai potensi menjadi peneraju di bidang ini dan UMS mahu membantu ekonomi negeri serta meningkatkan taraf hidup masyarakatnya," katanya ketika ditemui BH di sini, baru-baru ini.

Prof Harun berkata, penyelidik institut berkenaan turut menerbitkan jurnal yang menjadi antara kriteria ditetapkan kerajaan bagi mendapat pengiktirafan HICoE.



“  
*Kita yakin dapat mencapainya berdasarkan bilangan penyelidikan dilaksanakan dan jumlah geran diterima daripada kerajaan bagi melaksanakan pembangunan penyelidikan”*

**Prof Mohd Harun Abdullah,**  
Naib Canselor UMS